



Nestlé Good food, Good life

# Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 6 April 2022

## **MAGGI bersama FAF, MAB menyambut ketibaan bulan Ramadan dengan amalan berkongsi Mengagihkan 120,000 mangkuk Bubur Lambuk di 200 lokasi seluruh Malaysia**

Saban tahun, MAGGI akan mengagihkan Bubur Lambuk, suatu juadah nostalgia yang berkhasiat, lazat dan popular di kalangan rakyat Malaysia. Sempena menyambut ketibaan bulan Ramadan yang mulia, MAGGI meluaskan lagi usaha pengagihan Bubur Lambuk pada tahun ini, meliputi lebih 200 buah lokasi di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

MAGGI, dengan usaha sama Food Aid Foundation (FAF) dan Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) akan mengagihkan lebih 120,000 sajian Bubur Lambuk MAGGI yang berkhasiat kepada keluarga kumpulan B40, rumah anak yatim, rumah kebajikan dan pertubuhan amal sepanjang bulan Ramadan. Menerusi kerjasama dengan FAF dan MAB, sumbangan Bubur Lambuk pada tahun ini turut melibatkan golongan gelandangan, golongan kurang upaya serta para petugas kesihatan dan petugas barisan hadapan yang telah memainkan peranan penting dalam melindungi masyarakat sepanjang pandemik COVID-19.

Bercakap semasa pelancaran inisiatif Bubur Lambuk MAGGI pada hari ini, **En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad** berkata, "Selaras dengan hasrat Syarikat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat, Nestlé komited untuk menyokong individu yang memerlukan menerusi pelbagai program CSR termasuk inisiatif pengagihan Bubur Lambuk ini, yang menjadi simbol amalan berkongsi sepanjang bulan Ramadan."

Sementara itu, **Puan Geetha Balakrishna, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI, Nestlé (Malaysia) Berhad** pula berkata, "Bubur Lambuk adalah hidangan yang lahir daripada semangat saling membantu dan bersedekah sempena bulan Ramadan. Hidangan yang berkhasiat ini sudah pasti akan membawa kegembiraan kepada mereka yang menikmatinya serta mengeratkan silaturahim sewaktu berbuka puasa bersama. Berpegang pada janji jenama kami, *Anda dan MAGGI Sajikan Kelainan (You and MAGGI Cook the Difference)*, kami komited untuk berkongsi kegembiraan dan hidangan berkhasiat yang membawa saat-saat bermakna kepada rakyat Malaysia. Kami juga amat berbesar hati kerana dapat meneruskan tradisi ini pada Ramadan tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang."

Amalan berbuat kebaikan dan berkongsi rezeki pada bulan Ramadan adalah selaras dengan perkongsian rahmat dan sumber pendapatan – ibarat hidangan Bubur Lambuk MAGGI - dimasak dengan MAGGI CukupRasa dan bahan-bahan segar lain yang disediakan dan diagihkan secara eksklusif oleh Cef MAGGI.

**Dr Dalphine Ong, Ketua Pegawai Eksekutif Food Aid Foundation** dan **En. George Thomas, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia** menzahirkan penghargaan kepada MAGGI atas usahasama CSR ini, bagi pengagihan Bubur Lambuk MAGGI kepada masyarakat, khususnya kepada mereka yang terjejas akibat pandemik sepanjang dua tahun yang lalu, di samping menyemarakkan semangat kemasyarakatan dan memupuk sikap saling membantu dalam masyarakat.

Nestlé turut menjalin kerjasama dengan Jasmine Food Corporation, Sazarice, ALIF, BHPetrogas dan Kara Malaysia dalam penyediaan Bubur Lambuk MAGGI, sebuah hidangan tradisi sewaktu berbuka puasa yang enak dan berkhasiat.

Dapatkan resipi Bubur Lambuk MAGGI melalui laman web MAGGI <https://www.maggi.my/en/maggi-happenings/beraya-sambil-berkongsi/>

\*\*\*\*\*

### **Tentang MAGGI®**

MAGGI® adalah satu jenama global yang telah menjadi nama terkemuka di Malaysia. Misi terasnya adalah untuk mewujudkan detik-detik sajian enak yang merapatkan lagi hubungan kekeluargaan. Melalui rangkaian produk dan makanannya yang luas, MAGGI® membantu para ibu untuk menyediakan sajian yang enak dan seimbang bagi keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited dalam memenuhi segenap keperluan penyedia makanan, menyediakan produk dan idea baharu yang terus kekal mengembirakan dan memberi inspirasi kepada keluarga di Malaysia tentang kebaikan buatan sendiri di rumah. Untuk mengetahui lebih lanjut, sila lawati [www.maggi.my](http://www.maggi.my) atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>

### **Tentang Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: +603 7965 6456  
Mobile: +6012 235 6865  
E-mail: [Shaheen.Mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:Shaheen.Mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Shahira Amiera Amir**

Perspective Strategies  
Tel: +603 7491 3138  
Mobile: +6012 644 0510  
E-mail: [Shahira.Amiera@perspective.com.my](mailto:Shahira.Amiera@perspective.com.my)